

8 mangsa LRT bertembung saman Rapid Rail, Prasarana

(28 MAC 2023) BH 1P16

Tuntut ganti rugi khas lebih RM860,000, pengurusan kes didengar 11 April

Oleh Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai lapan individu menuntut lebih RM860,000 sebagai ganti rugi khas daripada Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) kerana gagal serta cuai dalam memastikan keselamatan mereka sebagai penumpang Transit Aliran Ringan (LRT) hingga menyebabkan kecederaan, dua tahun lalu.

Individu terbabit ialah Tengku Amalie Tengku Alauddin Shah, 47; Marvena Jitol, 28; Riezariel Haeqal, 23; Rozita Che Rus, 28; Ng Siow Nee, 36; Siti Nuraliah Hashim, 26; Nurul Athirah Mohd K Jabayee, 36 dan Muhammad Fir-

daus Mohd Saleh, 35.

Mengikut pernyataan tuntutan difailkan mangsa berkenaan selaku plaintif menerusi Tetuan Vin Partnership yang menamakan dua pihak terbabit sebagai defendan di Mahkamah Tinggi pada 9 Mac lalu, mereka mengesahkan cedera ketika dua tren berlanggar antara stesen LRT Kampung Baru dan KLCC, 24 Mei 2021.

Plaintif berkata, dua defendan berkenaan gagal memastikan LRT yang digunakan mangsa beroperasi selamat bergerak ke hadapan dan tiada sebarang halangan oleh tren lain.

Kegagalan Rapid Rail dan Prasarana melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) menyumbang kepada pelanggaran tren terbabit.

“Punca lain kejadian ialah tiada tindakan sewajarnya dan gagal menggunakan kemahiran teknikal dalam pengendalian dan pengawasan perkhidmatan LRT, selain tiada perhatian kepada keselamatan plaintif dan penumpang lain.

“Gagal mengambil sebarang tindakan dan langkah yang sewajarnya untuk mengelakkan kemalangan serta gagal untuk membrek, memberhentikan, memperlahan-



kan dan mengawal LRT supaya kemalangan dapat dielakkan.

“Defendan gagal untuk mengambil kira kesusahan dan kecederaan yang dihadapi oleh penumpang yang cedera dalam kemalangan atau diperkecilkan keadaan sebenar hingga menyebabkan kesusahan, kemarahan dan penghinaan kepada plaintif.

“Selepas kemalangan itu, Pengerusi Bukan Eksekutif Prasarana (ketika itu), Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, membuat jenaka pada sidang media dengan berkata kedua-dua kereta api itu ‘bercium’ antara satu sama lain. Tajuddin juga dilihat ketawa menurut video diterbitkan saluran televisyen,” katanya.

47 penumpang parah

Dalam kemalangan pada jam 8.45

malam itu, seramai 47 penumpang parah, manakala 166 lagi cedera apabila sebuah tren yang membawa penumpang dan sebuah tren rosak yang sedang dipandu uji bertembung.

Plaintif terbabit menuntut ganti rugi am dan faedah di atasnya pada kadar lima peratus setahun dari tarikh pemfailan writ sehingga ke tarikh penghakiman, serta ganti rugi khas dan faedah di atasnya pada kadar sama dari tarikh kemalangan hingga ke tarikh penghakiman.

“Turut dituntut ganti rugi teladan dan faedah di atasnya dalam kadar sama dari tarikh mengikut ganti rugi khas.

“Faedah atas jumlah penghakiman pada kadar lima peratus setahun dari tarikh penghakiman hingga ke tarikh pembayaran penuh.

“Kos dan apa-apa relif selanjutnya dan yang lain sebagaimana yang difikirkan adil oleh mahkamah,” katanya.

Berdasarkan semakan sistem mahkamah, pengurusan kes itu akan didengar di hadapan Timbalan Pendaftar, Mohamad Hafizul Awang, pada 11 April ini.